

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG  
[ ALOR GAJAH ]  
SOALAN :  
TARIKH :**

**YB Datuk Koh Nai Kwong** minta **Menteri Kesihatan** menyatakan status rancangan untuk pembinaan Klinik Kesihatan di Kampung Rembia di mana tapak pembinaan telah pun disediakan memandangkan Klinik Desa Rembia telah dirobohkan untuk memberi laluan kepada pembinaan AMJ. Klinik tersebut telah dipindahkan ke Taman Rembia dan selepas itu ditutup.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Klinik Desa Rembia ini telah pun dirobohkan dengan perancangan untuk membina Klinik Kesihatan Jenis 3 yang baru. Permohonan bagi pembinaan klinik ini telahpun diluluskan dalam RMK-10. Kini ianya merupakan projek sambungan.

Tarikh pemilikan tapak bagi projek ini adalah pada 14 April 2016 dan dijangka siap pada 12 April 2018. Kini, kerja-kerja pembersihan tapak sedang dijalankan.

Perkhidmatan di KD Rembia ini tidak ditutup tetapi dipindahkan ke Klinik Desa Sungai Petai yang jaraknya lebih kurang 5km daripada tapak Klinik Kesihatan Rembia. Sebaik sahaja Klinik Kesihatan Rembia ini siap, perkhidmatan tersebut akan disambung semula di klinik tersebut.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK KOH NAI KWONG [ ALOR GAJAH ]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kemajuan pembinaan sekolah menengah di Pekan Rembia memandangkan permohonan berkenaan telah pun diluluskan dan tapak yang sesuai telah pun diwartakan untuk pembinaan sekolah.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pembinaan SMK Rembia telah diluluskan dalam RMKe-9 tetapi tidak dapat dilaksanakan. Dalam RMKe-10 projek ini dicadang untuk disenaraikan, namun atas kekangan kewangan dan memberi keutamaan kepada projek yang lebih mendesak, menyebabkan projek ini tidak dapat diluluskan. Projek ini disenaraikan semula dalam *Rolling Plan 2 (RP2)* Tahun 2017 RMKe-11 untuk pertimbangan. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.